

## ABSTRAK

Selagi manusia menggunakan bahasa, bahasa tidak akan mati malah hidup! Dari semasa ke semasa bahasa mengalami proses evolusi untuk memenuhi dan menampung kehendak pengguna bahasa. Hakikatnya bahasa itu berubah! Apatah lagi dengan adanya fenomena globalisasi yang memberi kesan terhadap setiap bahasa di dunia ini. Bahasa Jerman turut mengalami perubahan akibat pengaruh fenomena globalisasi. Fenomena globalisasi menyebabkan *Denglisch* – sebuah bahasa hibrid, iaitu kacukan bahasa Inggeris dengan bahasa Jerman telah wujud di bumi ini. Pelbagai persoalan telah timbul dan perasaan curiga inilah yang menyebabkan kajian ini dijalankan untuk meninjau pencerobohan *Denglisch* dalam kehidupan harian orang Jerman. Data diperolehi daripada tabloid elektronik *Bild-Zeitung* dan diperhatikan selama tiga bulan. Sebanyak 496 lexis *Denglisch* yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif berjaya dilahirkan setelah mengharungi proses penyingkiran untuk memastikan ketulenan data. Proses germanisasi mengambil tempat dan didapati bahasa Jerman mendominasi lexis *Denglisch*. Kebanyakan lexis *Denglisch* yang dijumpai merupakan kata nama. Hasil dapatan kajian ini membuka mata saya sebagai pengkaji dan pelajar serta pengajar bahasa Jerman, di mana andaian-andaian terhadap lexis yang lazim digunakan akhirnya mendapat jawapan. Ini adalah kerana dengan adanya dapatan kajian ini, kesangsian dan kekeliruan pengguna bahasa Jerman terhadap bahasa Jerman dapat diminimumkan. Selain itu, dapatan kajian ini turut dijadikan pedoman atau rujukan bagi pengajar bahasa Jerman natif atau bukan natif, di mana mereka mendapat manfaat setelah membaca kajian saya ini. Saya berasa amat gembira kerana dapat berkongsi ilmu pengetahuan yang diperolehi daripada kajian ini dengan para pelajar dan pengajar bahasa Jerman.